

FREQUENTLY ASK QUESTIONS

PROGRAM KHAS JPA MARA TAHUN 2015

1. Apakah itu Program Khas JPA MARA Tahun 2015?

Program Khas JPA MARA adalah program penajaan pelajar Bumiputera cemerlang lepasan SPM tahun semasa bagi mengikuti pengajian persediaan dan Ijazah Pertama di luar negara dalam pelbagai bidang yang ditetapkan.

2. Apakah bidang yang ditaja di bawah Program Khas JPA MARA Tahun 2015?

Bidang pengajian yang ditaja adalah bidang perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, sains dan sains sosial.

3. Apakah syarat-syarat permohonan Program Khas JPA MARA Tahun 2015?

Permohonan adalah dibuka kepada pelajar lepasan SPM tahun 2014 sahaja, dengan syarat-syarat seperti berikut:

Syarat-Syarat Umum

- a) Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa berketurunan Melayu/Bumiputera dan warganegara Malaysia
- b) Umur belum mencapai 19 tahun pada tahun permohonan (19 tahun bagi pelajar peralihan) dan menduduki SPM 2014 pada kali pertama.
- c) Mempunyai kesihatan yang baik dan tidak mengidap penyakit-penyakit kritikal seperti Hepatitis, Aids, HIV dan sebagainya seperti **Lampiran A.**

Syarat-Syarat Khusus Permohonan

Program	Syarat/gred minimum
<p>1) Perubatan</p> <p>Negara :</p> <p>United Kingdom (Program Perubatan Berkembar IMU), Ireland (Program Perubatan Berkembar PMC), India</p> <p>Kod Program : JPA 001</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam sembilan (9) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Fizik; e) Kimia; f) Biologi; g) Matematik; h) Matematik Tambahan; i) Bahasa Inggeris.
<p>2) Pergigian</p> <p>Negara :</p> <p>Australia (Program Pergigian Berkembar IMU), India</p> <p>Kod Program : JPA 002</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam sembilan (9) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Fizik; e) Kimia; f) Biologi; g) Matematik; h) Matematik Tambahan; dan i) Bahasa Inggeris

Program	Syarat/gred minimum
<p>3) Farmasi</p> <p>Negara:</p> <p>Australia, New Zealand (Program Farmasi Berkembar IMU)</p> <p>Kod Program : JPA 003</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam sembilan (9) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Fizik; e) Kimia; f) Biologi; g) Matematik; h) Matematik Tambahan; i) Bahasa Inggeris.
<p>4) Kejuruteraan</p> <p>Negara:</p> <p>Amerika Syarikat, Australia</p> <p>Kod Program : JPA 004</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam lapan (8) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Fizik; e) Kimia; f) Matematik; g) Matematik Tambahan; h) Bahasa Inggeris. <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam mana-mana satu (1) matapelajaran selain dari senarai di atas.</p>

Program	Syarat/gred minimum
<p>5) Kejuruteraan</p> <p>Negara:</p> <p>Jepun</p> <p>Kod Program : JPA 005</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam lapan (8) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Fizik; e) Kimia; f) Matematik g) Matematik Tambahan; h) Bahasa Inggeris. <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam mana-mana satu (1) matapelajaran selain dari senarai di atas.</p>
<p>6) Sains</p> <p>(Contoh: Bio Sains, Bio Perubatan, Sains Kesihatan, Fizik, Matematik, Sains Makanan, Sains Aktuari)</p> <p>Negara:</p> <p>United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand</p> <p>Kod Program : JPA 006</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam tujuh (7) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Bahasa Inggeris; e) Matematik Tambahan; f) Fizik g) Kimia/ Biologi <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam mana-mana dua (2) matapelajaran selain dari senarai di atas.</p>

Program	Syarat/gred minimum
<p>7) Sains Sosial & Kemanusiaan</p> <p>(Contoh : Perundangan, Ekonomi, Komunikasi, Pemasaran, Hubungan Antarabangsa, Hospitaliti/ Perbankan/ Statistik/ Psikologi/ Eko Pelancongan)</p> <p>Negara:</p> <p>United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia</p> <p>Kod Program : JPA 007</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam lima (5) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Matematik; e) Bahasa Inggeris; <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam mana-mana empat (4) mata pelajaran selain dari senarai di atas.</p>
<p>8) Sains Sosial & Kemanusiaan</p> <p>(Contoh : Perundangan, Ekonomi, Komunikasi, Pemasaran, Hubungan Antarabangsa, Hospitaliti/ Perbankan/ Statistik/ Psikologi/ Eko Pelancongan)</p> <p>Negara:</p> <p>Jepun</p> <p>Kod Program : JPA 008</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam lima (5) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Matematik; e) Bahasa Inggeris; <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam mana-mana empat (4) mata pelajaran selain dari senarai di atas.</p>

Program	Syarat/gred minimum
<p>9) Perakaunan</p> <p style="text-align: center;">Negara:</p> <p style="text-align: center;">New Zealand (Program Perakaunan Berkembar KYS)</p> <p style="text-align: center;">Kod Program : JPA 009</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam lima (5) matapelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Sejarah; c) Pendidikan Islam atau Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Moral; d) Matematik; e) Bahasa Inggeris; <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam mana-mana empat (4) mata pelajaran selain dari senarai di atas.</p>

4. Bagaimana saya boleh memohon biasiswa JPA di bawah Program Khas JPA MARA Tahun 2015?

Permohonan boleh dibuat secara *online* di laman web MARA mulai **4 Mac 2015 hingga 10 Mac 2015** (tujuh hari).

Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebelum boleh memohon secara *online*.

Pemohon hendaklah membaca dan memahami kesemua panduan dan syarat-syarat yang ada disediakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.

5. Apakah kriteria pemilihan penawaran Program Khas JPA MARA Tahun 2015?

- i) Prestasi akademik;
- ii) Ko-kurikulum;
- iii) Sosio - ekonomi keluarga;
- iv) *Student Assesment Centre* (SAC); dan
- v) Ujian Khas Biasiswa Persekutuan JPA

7. Apakah itu *Student Assessment Centre (SAC)*?

Calon yang telah disenarai pendek adalah dikehendaki untuk menghadiri SAC. Tujuan penilaian SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar, menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar iaitu kepimpinan, kerjasama, daya tahan, kematangan, komunikasi dan kreativiti. Setiap modul akan dilaksanakan dengan menggunakan kompetensi khusus dan kompetensi ini akan dinilai dengan markah 1-10 iaitu dengan kiraan 1 terendah dan 10 terbaik.

8. Bilakah program SAC akan dijalankan?

Program SAC dijadualkan pada **23 Mac 2015 – 27 Mac 2015** di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

9. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke program SAC?

Calon boleh membuat semakan panggilan ke program SAC pada 17 Mac 2015 secara *online* di **laman web MARA sebagaimana permohonan online di lakukan**. Tempat SAC adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam surat panggilan.

10. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri program SAC?

Dokumen yang perlu di bawa semasa menghadiri SAC

Dokumen Asal

- (a) My-Kad/ Kad Pengenalan calon
- (b) Sijil Kelahiran Calon serta Ibu dan Bapa
- (c) Sijil Berhenti Sekolah/ Sijil Pencapaian Ko-Kurikulum
- (d) Sijil Warganegara Ibu/ bapa
- (e) Kad Pesara/ Slip Gaji Ibu/ Bapa/ Penjaga
- (f) Borang Pengesahan Pendapatan Bulanan Keluarga

Satu (1) Salinan Dokumen yang disahkan

- (a) Sijil Kelahiran Calon dan Ibu/ Bapa
- (b) Sijil Warganegara Calon dan Ibu/ bapa

11. Bagaimanakah JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SAC, keputusan dan penawaran Program Khas JPA MARA Tahun 2015?

Semua urusan berhubung Program Khas JPA MARA iaitu permohonan, panggilan SAC, keputusan dan cetakan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara *online* di laman web MARA.

Surat-surat/ slip-slip pengesahan yang berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon.

Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini berhubung Program Khas JPA MARA Tahun 2015.

LAIN-LAIN SOALAN BERKAITAN

1. Saya mendapat 9A- dalam peperiksaan SPM 2013. Bolehkah saya memohon Program Khas JPA MARA Tahun 2015?

TIDAK, Program Khas JPA MARA Tahun 2015 hanya dibuka kepada pelajar cemerlang lepasan SPM 2014 sahaja.

2. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?

BOLEH, calon-calon hanya dibenarkan memilih satu bidang yang ditawarkan sahaja bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

3. Di manakah Program Persediaan diadakan?

Program persediaan akan diadakan di kolej-kolej persediaan yang ditetapkan oleh JPA bergantung kepada negara pengajian seperti berikut:

BIL	KOLEJ PERSEDIAAN	PROGRAM	TEMPOH
1	Kolej MARA Banting (KMB)	International Baccalaureate (IB)	24 Bulan
2	Kolej MARA Kulim (KMK)	Program Persediaan USM-KLE	18 bulan
3	Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK)	International Baccalaureate (IB)	24 Bulan
4	International Education Centre (INTEC)	A-LEVEL	24 Bulan
		American Degree Foundation Program	24 Bulan
		AUSMAT	18 Bulan
6	Kolej Bandar Utama	AUSMAT	18 Bulan
7	Ambang Asuhan Jepun, UM (AAJ)	Program Akademik Jepun	24 Bulan
8	Institut Bahasa Teikyo		24 Bulan
9	Kolej Teknologi Timur (KTT)	A-Level	24 Bulan
10	KYS Business School	Program Persediaan KYS	12 Bulan
11	Vanderbilt	Persediaan PAVE	6 Minggu

4. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian?

TIDAK, calon-calon yang berjaya ditawarkan di bawah Program Program Khas JPA MARA Tahun 2015 perlu mengikuti program persediaan di kolej/ pusat persediaan yang telah ditetapkan oleh JPA sahaja.

5. **Sekiranya saya telah menjalani SAC tetapi tidak berjaya ditawarkan Program Khas JPA MARA Tahun 2015 adakah saya boleh merayu?**

BOLEH, rayuan dibuka secara online mulai 8 Mei 2015 hingga 15 Mei 2015.

6. **Sekiranya saya menolak tawaran biasiswa di bawah Program Khas JPA MARA Tahun 2015 adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

YA, pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya berminat dan melepasi syarat penajaan.